


Tanda pengenalan pelekat khas kenderaan *e-hailing* hendaklah dipamerkan pada bahagian cermin hadapan dan cermin belakang kenderaan persendirian *e-hailing* ketika dipandu oleh seseorang pemegang permit semasa beroperasi membawa penumpang.

Perkataan '*e-hailing*' hendaklah ditandakan dengan jelas menggunakan jenis huruf ***Myriad Pro-Bold Italic 97pt*** mengikut warna dan dimensi-dimensi di bawah, di atas suatu plastik pelekat cermin kenderaan bersaiz segi empat sama.

GAMBAR RAJAH PELEKAT KHAS KENDERAAN PERSENDIRIAN *E-HAILING*



Format cetakan pelekat khas kenderaan *e-hailing* ini boleh dimuat turun dalam laman web jabatan <https://www.jpj.gov.my> dengan menggunakan format Adobe Illustrator CS6.

Pelaksanaan pemakaian pelekat khas kenderaan *e-hailing* adalah selaras dengan peruntukan di bawah Kaedah 15B Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959. Kesalahan dan denda boleh dikenakan terhadap mana-mana pemandu yang gagal mematuhi perkara ini.

Rujuk **Garis Panduan Pelaksanaan Prosedur Tukar Guna kenderaan Persendirian Individu Kepada Kenderaan Persendirian E-Hailing- Lampiran A3** untuk Tatacara dan Spesifikasi pelekat khas kenderaan *e-hailing*.